

26 NOV 1997

LEBIH 500 BERHIMPUN SOKONG PERDANA MENTERI (Bergambar)

KOTA KINABALU, 26 Nov (Bernama) -- Lebih 500 belia di sekitar ibu negeri berhimpun di sini hari ini untuk melafazkan ikrar menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Perhimpunan di Padang Merdeka di sini adalah anjuran Majlis Belia Sabah (MBS) dan turut dihadiri anggota dan wakil pelbagai pertubuhan belia di negeri ini termasuk Persatuan Belia Kebangsaan Sabah (Sanya), pengakap, Rakan Muda, Pandu Puteri, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, St John Ambulans dan Persatuan Bisaya Bersatu Sabah.

Presiden MBS yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Lajim Ukin yang mengetuai perhimpunan itu berkata negara luar tidak mempunyai hak untuk campurtangan dalam pentadbiran negara.

Beliau juga mengutuk draf resolusi sekumpulan ahli kongres Amerika Syarikat yang meminta Perdana Menteri meminta maaf atau meletakkan jawatan kerana dilaporkan menyatakan terdapat konspirasi Yahudi di sebalik kejatuhan nilai matawang di Asia Tenggara.

Dalam perhimpunan itu MBS turut menggariskan beberapa resolusi, termasuk menyokong langkah kerajaan menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara bagi menangani masalah ekonomi yang dihadapi ketika ini. -- BERNAMA

JS WAT